

Seni, Sastera dan Budaya dalam Cerminan Masyarakat*

oleh

Mohamed Imran Mohamed Taib
imran@thereadinggroup.sg

Seni dan sastera merupakan satu wadah yang amat penting dalam mengungkapkan tahap kemanusiaan kita yang sedia ada.

Para sarjana telah memberitahu kita bahawa tahap ketinggian sesuatu peradaban itu dapat dilihat dalam pencapaian kesusasteraan dan keseniannya. Malah, kita lihat bahawa karya-karya agung – sama ada ditulis secara puisi atau prosa, mahupun dilukis dan dipahat – mengungkapkan pemikiran, falsafah serta pencapaian sesuatu bangsa dan peradaban yang telah melalui proses berabad-abad lamanya.

Sayangnya, semenjak beberapa abad yang lalu, kita melihat tiga perkembangan yang membimbangkan. **Pertama**, di lingkungan gerakan agama di mana kita melihat kecenderungan mengobliterasi tradisi sastera dan kesenian; seolah-olah dua bidang ini mempunyai banyak unsur-unsur yang bercanggah dengan visi Islam yang sebenarnya.

Kecenderungan ini, yang dipromosikan oleh kelompok agamawan konservatif dan puritan, menganggap musik sebagai haram. Begitu juga seni lukis yang mempunyai gambar-gambar manusia dan haiwan – ianya dianggap haram secara umum. Malah, seni pahat juga dianggap haram kerana mengusung dan menjerumus kepada penyembahan berhala. Begitu juga di dalam bidang sastera. Ada sekelompok agamawan konservatif-puritan yang menganggap sastera-sastera agung seperti Hikayat Seri Rama sebagai tidak Islami kerana berbaur Hindu.

* Makalah ini merupakan teks ucapan pembukaan dalam acara *Bilang Puisi: Antara Eja dan Lafaz*, anjuran The Reading Group dengan kerjasama National Library Board dan Cokelat Productions; 12 Januari 2008 di Perpustakaan Masyarakat Bedok.

Pemikiran rancu dan penuh *contempt* terhadap perkembangan tradisi dan peradaban manusia sebegini menyusup masuk juga ke ruang-ruang budaya dan bahasa. Adat persandingan orang-orang Melayu dikatakan tidak Islami. Makanya, semua perlu “diIslamkan”, termasuk bahasa. Sebagai contoh, “solat” menggantikan “sembahyang” kerana “sembahyang” itu berasal dari konsep animisme – “sembah hyang (semangat/*spirit*)”. Malah, “babi” juga mahu turut diIslamkan menjadi “khinzir”. Soalnya, bagaimana pula kita sebut perkataan “membabi buta”?

Kecenderungan sebegini jelas keliru akan fungsi dan falsafah agama, proses sejarah dan tradisi kemanusiaan, serta perkembangan dan falsafah kesenian dan kebudayaan umumnya. Sekiranya tidak dikawal, kecenderungan ini akan meranapkan peradaban dan visinya yang sempit, literal dan biadab (dalam erti kata “vulgar”) akan membawa kepada masalah yang lebih besar seperti keganasan dan hilangnya kesadaran halus manusiawi dalam diri.

Masalah **kedua** yang kita perhatikan berlegar di dalam alam budaya dan kesenian itu sendiri. Kita melihat adanya kecenderungan budaya, sastera dan seni yang bersifat onani (atau “masturbatory”). Yang dimaksudkan di sini ialah kecenderungan memisahkan sastera dan seni dari falsafah dan visi kemanusiaan. Seni dan sastera yang berlegar-legar di alam keindahan dan mabuk bermain kata-kata tanpa kepedulian sosial dan tanggungjawab mengungkapkan kondisi manusia yang sebenar – adalah seni dan sastera yang narsissistik (atau mudahnya, “syok sendiri”).

Memang kita tidak nafikan unsur estetika itu penting, malah *essential* dalam proses berkarya. Akan tetapi, estetika yang kosong dari aspek kemanusiaan dan gagal berperan dalam tanggungjawab sosial adalah estetika “bimbo”. Kecenderungan ini juga menyusup masuk ke dalam arena bahasa yang mengaburkan realiti dengan kata-kata indah – “fatamorgana”, contohnya – tetapi teramat sukar di dalam karya-karya mereka ini untuk mengungkapkan kata-kata biasa dan seharian seperti “miskin”, “derita”, “lapar”, “ganas”, “perkosa”, “adil”, “lelah” dan sebagainya. Di dalam kita berkarya, salahkah kalau kita memperkatakan dan memberi suara pada manusia dan kemanusiaan – dan bukannya pada “awan yang berarak”, “pelangi yang indah”, “sungai yang mengalir” ataupun “lalang yang

longlai ditiup sang bayu”)? Kalau berani kita ungkapkan sasterawan terkenal Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, “[K]eindahan itu terletak pada kemanusiaan, yaitu perjuangan untuk kemanusiaan, pembebasan terhadap penindasan. Jadi keindahan itu terletak pada kemurnian kemanusiaan, bukan dalam mengutak-atik bahasa.” Inilah makna sebenar sastera yang *berfungsi*, bukan sastera *ber-fancy*.

Kecenderungan **ketiga** ialah masalah pelambakan seni, sastera dan budaya. Secara etimologi, sememangnya benda yang diprodusikan secara lambak kurang nilainya jika dibandingkan dengan benda yang mengambil masa dan tenaga yang luarbiasa untuk dihasilkan. Inilah perbezaan antara seni yang lambak dan seni yang dikarya dan ditukang, bukan dimuntahkan.

Seni lambak, seperti budaya pop lambak, merendahkan selera dan pemikiran masyarakat umum di era moden ini, seperti yang pernah dikupas pemikir Jerman, Theodore Adorno. Budaya pop lambak ini berlegar di dalam semua aspek kehidupan. Cuba kita perhatikan buku-buku apa yang laris dan dikonsumsi massa? Lagu-lagu apa yang begitu diminati? Di sini, kita bukan memperkatakan genre; sesiapa sahaja berhak meminati musik rok, asli, dangdut, rap, hip-hop, nasyid dan sebagainya. Akan tetapi, perhatikan inti dan falsafah disebaliknya. Budaya musik lambak lazimnya mengangkat hanya dua perkara, iaitu hedonisme dan seks.

Inilah yang diperkatakan oleh seorang lagi pemikir Jerman, Erich Fromm: penyusupan budaya lambak telah merubah cara kita mengkonsepsikan cinta, seks, hubungan antara manusia dan nilai-nilai manusiawi lainnya. Akan tetapi, jangan pula kita persalahkan golongan massa tanpa mahu mencari akar yang membibit, memupuk, memproduksi dan mempertahankan kecenderungan ini. Menurut saya, sudah tiba masanya para aktivis sastera, seni dan budaya mengkritik kelompok yang cuba mempergunakan karya sastera dan seni untuk kepentingan komersial tanpa mahu bertanggungjawab terhadap proses berkarya dan nilai seni itu dari sudut pembangunan peradaban manusiawi.

Di sinilah tugas para intelligentsia, iaitu para guru, wartawan, penulis, penggubal dasar dan sebagainya, dan juga para aktivis masyarakat, untuk sama-sama bangun dan cuba

mengatasi masalah-masalah yang akan menghambat proses membina masyarakat dan peradaban bersama. Tugas pemupukan nilai, orientasi dan perspektif yang mengusung nilai-nilai kemanusiaan, bukanlah tugas yang dapat dilakukan dengan membina bangunan-bangunan dan pusat-pusat yang digembar-gemburkan dan dipapar di dada-dada akhbar. Tugas ini bermula dengan perkongsian idea, perbincangan bersama, membaca dan menilai, serta melihat dan merenung kembali. Inilah yang diharapkan, walau sekecil mana pencapaiannya mengikut ukurtara zaman ini yang mengagungkan “speed and spectacle”.

Akhirul kalam, cubalah kita perhatikan sajak tulisan sasterawan dan pemikir Dunia Melayu, Kassim Ahmad, yang berjudul “Sidang Ruh”. Menurut penilaian saya, sajak ini amat tepat mengungkapkan kesadaran dalaman yang cuba dikupas secara ringkas di atas.

Sidang Ruh

Perlu satu satu diperhitungkan kembali
hari ini kita dewasa
tanpa tuhan tanpa impian
bagi kiamat yang telah ditangguhkan

bukan aku sinis
kau jangan mengateis
beritahu dari mereka yang lupa bagaimana untuk hidup
maka demikian perlu kata-kata
supaya maut kita jangan kerana bisu

Kalau kau percaya kepada manusia sejahtera
jangan kau bergembira menurut hukum
(kerana kemenangan)

Kalau kau percaya kepada manusia bebas
jangan kau berkata menurut hukum
(kerana taat setia)
kerana tidak ada hukum yang akan berlaku
(namun digubal oleh pi bi bi)
yang tidak berpelembagaan di hati

II

Sudah datang berita yang paling kejam
bagi mereka yang lagi hidup kerana bisa berharap
dunia ini penjara
nasi kita akan cukup di syurga
Di atas belakang Dajal
telah diperdagangkan hidup
gelak dan hilai bukan kerana bahagia
gelak dan hilai kerana papa

Akan bersidang segala ruh
anakmu hari ini makan apa
nasi atau bir
ketawanya palsu tangisnya tanpa suara

III

nanti akan padamlah dengan sendirinya
lampu dari menara tinggi
kerana dibawahnya orang kian mabuk
dan Tuhan sudah mati

“Tuhan sudah mati” bukanlah ungkapan literal yang ateistik seperti yang dituduh atas Kassim. Ianya suatu metaphor yang dipinjam dari pemikir eksistensialisme Jerman, Friedrich Nietzsche. Dalam konteks ini, “Tuhan sudah mati” adalah diagnosis matinya segala nilai di dalam masyarakat. (Bukankah Tuhan itu sendiri lambang nilai yang dicitrakan manusia?) Tanpa nilai, manusia hilang paksi hidupnya. Dan golongan cerdik-pandai masyarakatlah yang akhirnya harus dipertanggungjawabkan.

Seperti yang diperingatkan Kassim sekali lagi:

nanti akan padamlah dengan sendirinya
lampu dari menara tinggi
kerana dibawahnya orang kian mabuk
dan Tuhan sudah mati
